

Karpal gagal sepina Mahathir ke mahkamah
MalaysiaKini.com
30 Ogos, 2012
Oleh Aidila Razak

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan Pengerusi DAP Karpal Singh untuk mensepina bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir untuk perbicaraan kes hasutan yang sedang berlangsung.

Mahkamah juga menolak permohonan sepina terhadap bekas peguam negara Tan Sri Abu Talib Othman dan penggantinya Tan Sri Abdul Gani Patail.

"Sepina hanya boleh dikeluarkan untuk (peguam kanan persekutuan) Kamaluddin Md Said," kata hakim Azman Abdullah said.

Dalam penghakiman bertulis, Azman berkata, pengakuan tiga pihak yang dinamakan tidak relevan ekoran Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan memberikan peguam negara budi bicara untuk "memulakan atau menghentikan apa-apa prosiding jenayah".

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/207559>